Siri Kitab Perubatan Melayu
FALSAFAH DAN PRINSIP ASAS
PERUBATAN MELAYU
NORNIZAM NGADENI
ڤراوبتن ملايو

FALSAFAH DAN PRINSIP ASAS
PERUBATAN MELAYU

FALSAFAH DAN PRINSIP ASAS PERUBATAN MELAYU

NORNIZAM NGADENI

KANDUNGAN

PENGHARGAAN

∞-∞-∞

Alhamdulillah,
Ucapan Kesyukuran kepada Allah
Dan
Selawat dan Salam ke atas Rasulullah
Dan
Penghargaan kepada Ayahanda Bonda
Dan
Masyaikh dan Guru-guru
Dan
Isteri dan Anak-anak
Dan
Sahabat-sahabat Rakan Seperjuangan
Dan
Rakan Taulan
Di atas
Sokongan dan Dokongan
Menyempurnakan
Kitab ini
Wabillahi Taufiq

∞-∞-∞

KATA PENGANTAR I

Naseer Sobree

Bismillāhi walḥamdulillāhi rabbil ʿālamīn
waṣṣalātu wassalāmu ʿalā rasūlillāhi raḥmatil ʿālamīn

Tahniah saya ucapkan kepada sahabat saya yang dikasihi, Ustaz Nornizam Ngadeni, kerana berjaya menyiapkan karya sulungnya yang berjudul *Falsafah dan Prinsip Asas Perubatan Melayu.* Tahniah!

Saya amat mengalu-alukan buku ini sebagai merancakkan lagi dunia Perubatan Melayu yang boleh dikatakan baru mendapat perhatian serius banyak pihak.

Masharakat Melayu sendiri kebanyakannya masih tidak jelas dengan maksud sebenar Perubatan Melayu. Hal ini adalah kerana ada media-media tertentu menggambarkan Perubatan Melayu yang diamalkan pada suatu masa dahulu bersifat mistik dan ghaib semata-mata.

Setelah kajian awal dilakukan pada manuskrip-manuskrip Perubatan Melayu, ternyatalah bahawa Perubatan Melayu bukanlah seperti yang selalu digambarkan. Bahkan Perubatan Melayu yang sebenar adalah sangat hebat dan masih relevan untuk dikaji.

Perubatan Melayu yang sebenarnya bersifat empirikal dan rasional sepertimana perubatan lain, contohnya Perubatan Cina dan Perubatan Ayurveda. Namun, sebahagian penulis kitab tib (perubatan)

memasukkan juga ilmu-ilmu lain selain ilmu perubatan seperti ilmu nujum dan ilmu perbomohan. Maka berlakulah salah faham bagi mereka yang tidak mampu untuk membezakan antara ilmu perubatan dan ilmu perbomohan.

Seseorang pengkaji manuskrip Perubatan Melayu perlulah mengetahui kaedah menapis dan mengasingkan ilmu-ilmu ini. Hasil daripada kajian yang cermat dan teliti, dapatlah kita keluarkan apa yang dikatakan sebagai Perubatan Melayu, yakni sebuah sistem kesihatan yang bersifat holistik dan sistematik.

Memandangkan alam Melayu pernah menerima pelbagai pengaruh daripada pelbagai agama, bangsa dan tamadun, maka dapatlah kita lihat kepelbagaian dalam Perubatan Melayu. Secara umumnya ada dua kecenderungan yang dapat saya simpulkan daripada pemerhatian terhadap manuskrip kitab tib iaitu;

1. Manuskrip yang jelas nama penulisnya, kurang atau tiada unsur perbomohan, menggunakan aliran Greek-Arab sebagai sistem dasarnya. Contohnya kitab *Ṭayyib al-Iḥsān* karya Shaikh Ahmad al-Fatani, *al-Raḥmah* karya Shaikh Abbas Kuta Karang dan *Bustān al-Salāṭīn* karya Shaikh Nuruddin al-Raniri.
2. Manuskrip yang tiada nama penulis asalnya, mengandungi banyak unsur perbomohan, sistemnya kurang jelas, adakalanya menggunakan aliran Greek-Arab, adakalanya menggunakan kaedah tersendiri. Contohnya Kitab Tib Muzium

Terengganu, MSS 2515 dan MS 33.

Pengkajian dalam bidang Perubatan Melayu masih di peringkat awal. Banyak lagi usaha yang perlu dilakukan untuk mengeluarkan sebuah sistem perubatan yang lengkap dan berstruktur. Herba-herba yang disebut dalam manuskrip perlu dikenal pasti apakah nama saintifiknya, begitulah juga dengan nama-nama penyakit yang sebahagiannya sudah tidak digunakan lagi oleh masharakat Melayu pada hari ini. Pertembungan dan konflik sesama manuskrip perlu diharmonikan. Unsur-unsur perbomohan yang shirik dan khurafat perlu ditapis buang. Pendek kata, terlalu banyak tugas yang mesti diselesaikan oleh para pengkaji Perubatan Melayu.

Untuk menjadikan Perubatan Melayu lebih sistematik, saya mencadangkan agar Perubatan Melayu disusun dalam struktur seperti berikut;

Sebenarnya, struktur yang sebeginilah yang digunakan oleh para ilmuwan Islam suatu masa dahulu. Dengannya ilmu perubatan dapat disusun secara sistematik dan teratur, tanpa meninggalkan mana-mana topik dalam ilmu perubatan.

Akhir kata, saya berharap penerbitan buku ini dapat memberi sumbangan kepada pembangunan Perubatan Melayu, inshaAllah.

Peliharakan olehmu bersungguh-sungguh,
Sihat afiat di dalam tubuh;
Ringan ibadat dunia teguh,
Ialah nikmat yang tiada bertangguh.

Ilmu tabib hendaklah amalkan,
Jangan bercerai jadikan rakan;
Mendapat sejahtera serta aman,
Ibadat tetap disihat badan.

—Hakim Abdullah

NASEER SOBREE
Pengasas-Pengarah,
Baytul Hikma

KATA PENGANTAR II

Dr. Harun Mat Piah

Syukur al-Hamdulillah, minat, kajian dan penerbitan karya dalam kitab tib yang membicarakan ilmu perubatan Melayu telah berkembang ke tahap yang sangat menggalakkan. Pelbagai usaha dalam bentuk seminar, diskusi, kajian, penyelidikan dan penerbitan telah dilakukan oleh para sarjana di pusat-pusat pengajian tinggi, institut penyelidikan dan pihak-pihak yang lain. Universiti Teknologi Malaysia (melalui Kolej Space) telah mengadakan program pembelajaran hingga Ijazah dan Diploma Profesional dalam Ilmu dan Amalan Perubatan Melayu. Lebih membanggakan lagi Perubatan Melayu telah menerima pengiktirafan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, sebagai Perubatan Tradisional dan Komplementari sejajar dengan lain-lain sistem, perubatan Cina dan India. Sehubungan dengan perkembangan itu kita sewajarnya menyediakan pelbagai usaha untuk memantap dan memartabatkan Perubatan Melayu.

Buku ini, *Falsafah dan Prinsip Asas Perubatan Melayu* karya Tabib Ustaz Nornizam Ngadeni merupakan salah satu sumbangan yang sangat bermakna ke arah matlamat tersebut. Pembicaraannya sebagai mukadimah atau pengenalan, amat sesuai dengan memberikan maklumat ringkas dalam pelbagai aspek. Persoalan sejarah bangsa

dan ketamadunan Melayu yang dipetik daripada pelbagai sumber yang berwibawa, meletakkan bangsa Melayu Polynesia telahpun mempunyai kemahiran dalam amalan perubatan, sesuai dengan kepercayaan, keperluan dan alam sekitar kehidupan mereka.

Perbincangan seterusnya cukup meyeluruh mengenai Perubatan Melayu meliputi sejarah awalnya, falsafah dan prinsip asas, adab dan etika amalan, struktur dan bidang amalan atau modaliti Perubatan Melayu. Bidang atau skop perbincangan, walaupun ringkas tetapi tepat dan memadai dalam menghuraikan kandungan, objektif dan metodologi Ilmu dan Amalan Perubatan Melayu.

Suatu aspek yang penting dalam karya ini ialah dengan memberikan maklumat serta sandaran yang tepat kepada sumber-sumber asas daripada al-Quran dan al-Hadis kerana memang pada prinsip dasarnya ilmu dan amalan Perubatan Melayu adalah al-Quran dan al-Hadis selain sumber-sumber lain sesuai dengan hukum dan lunas-lunas pengajaran Islam. Aspek ini amat penting terutama dalam menetapkan Ilmu dan Amalan Perubatan Melayu berlainan dari konsep perbomohan Melayu, walaupun perbomohan merupakan salah satu cara, kaedah atau pendekatan dalam amalan Perubatan Tradisional Melayu. Karya ini juga diharap akan meletakkan tapak untuk perkembangn dalam menghasilkan siri penerbitan dalam Ilmu Perubatan Melayu seterusnya.

Dengan ini, saya setulusnya mengucapkan syabas dan tahniah kepada pengkarya, Tabib Ustaz Nornizam

Ngadeni yang mengusahakan penulisan ini. Syabas dan tahniah juga kepada pihak-pihak penerbit dan pencetak yang bersama-sama menyumbang ke arah penghasilan karya yang indah dan lengkap ini.

DR. HARUN MAT PIAH
12 Disember 2017

KATA PENGANTAR III

PROF. MADYA DR. ARIEFF SALLEH BIN ROSMAN

Dengan nama Allah; al-Rahman dan al-Rahim, ku mulakan bicara. Selawat dan salam untuk junjungan mulia; Nabi Muhammad *sallalLahu 'alayhi wassalam*, ku mohon keberkatan dengannya. Segala puji bagi Allah; Rab al-'alamin, ku memujiNya, memohon pertolongan, memohon hidayah, dan memohon ampun daripadaNya.

Bicara Nabi yang mulia; Nabi Ibrahim khalilulLah, dalam surah al-Syu'ara' ayat 80 disuratkan Ilahi, "Dan apabila aku sakit, maka Dia lah yang menyembuhkan penyakitku." Penuh beradab KhalilulLah berbicara, 'apabila aku sakit' menyandarkan kemudaratan sakit kepada kelemahan diri, menyandarkan pula segala nikmat kepada Pencipta, 'maka Dia lah yang menyembuhkan penyakitku.'[1]

Sains perubatan dan tauhid tidak dapat dipisahkan, sebagai bukti benarnya iman seorang hamba kepada Allah SWT. Namun, kehadiran pemikiran syirik yang mula mendominasi alam manusia bermula akhir kurun ke-17 masihi, yang dinamakan 'sekularisme', telah

[1] Ibnu Kathir, Abu al-Fida' Isma'il bin 'Umar al-Qurashi al-Basri, *Tafsir al-Qur'an al-'Azim* (sunt. Muhammad Husayn Shams al-Din, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, 1419H), jil. 6, hlm. 132.

mencemarkan keseluruhan nilai hidup manusia, termasuk sains perubatan. Sains perubatan sekular yang berpaksikan syirik dan kufur kepada Allah, telah melumpuhkan keyakinan manusia kepada Allah; yang bernama dan bersifat '*al-Shafi*'; Tuhan yang maha menyembuhkan. Ilmu perubatan yang diasaskan oleh para Nabi dan Rasul, yang mengajak manusia mentauhidkan Allah, telah dicemari pemikiran syirik yang digagaskan oleh manusia yang kufur kepada Allah.

Oleh sebab itu, para ulama' sangat menitikberatkan penguasaan ilmu perubatan dalam kalangan hamba Allah yang beriman. Imam al-Syafi'i menjelaskan, "Ilmu yang penting itu ada dua, ilmu fiqh untuk mengetahui hukum hakam agama, dan ilmu perubatan untuk menjaga kesihatan tubuh badan."[2] Beliau turut berkata, "Janganlah saudara tinggal menetap di sebuah negeri yang tiada orang alim yang boleh memberitahu saudara tentang agama saudara, serta tiada doktor yang boleh memberitahu saudara tentang kesihatan tubuh badan saudara."[3] Harmalah bin Yahya melaporkan, "Imam al-Syafi'i merasa terkilan apabila umat Islam mensia-siakan ilmu perubatan. Beliau berkata, 'Mereka telah mensia-siakan satu pertiga daripada ilmu dan menyerahkannya kepada Yahudi dan Kristian.'"[4]

---

[2] Al-Bayhaqi, Abu Bakr, *Manaqib al-Syafi'i* (sunt. al-Sayid Ahmad Saqr, Al-Qaherah: Maktabah Dar al-Turath, 1970), jil. 2, hlm. 114.

[3] Al-Bayhaqi, *Manaqib al-Syafi'i*, jil. 2, hlm. 115.

[4] Al-Bayhaqi, *Manaqib al-Syafi'i*, jil. 2, hlm. 116.

Tahniah diucapkan kepada Tabib Ustaz Nornizam Ngadeni atas usaha murni, menghasilkan penulisan yang sangat bernilai ini bagi mengungkapkan dan menghidupkan kembali 'falsafah dan prinsip asas perubatan Melayu'. Ilmu Perubatan Melayu yang berteraskan tauhid, yang diajar oleh para ulama' seakan tidak pernah wujud. Generasi Melayu kini sudah hilang jati diri khususnya berkaitan ilmu perubatan, kerana telah sekian lama didominasi oleh ilmu perubatan sekular yang dibawa masuk oleh para penjajah ke alam Melayu. Di samping itu, yang lebih menyedihkan, para pengamal perubatan moden yang berbangsa Melayu, beragama Islam, lebih mengenali ilmu perubatan sekular, berbanding ilmu perubatan tauhidi, yang telah diwariskan oleh nenek moyang kita terdahulu.

Dengan kehadiran penulisan seumpama ini, jihad keilmuan khususnya berkaitan ilmu perubatan Melayu dapat disemarakkan kembali. Jika para pakar perubatan Melayu dalam kalangan ulama terdahulu seumpama Shaikh Nuruddin al-Raniri (w 1658M), Shaikh '*Abdul* Ra'uf al-*Singkili* (w 1693M), Shaikh Abbas Kuta Karang (w akhir 1800M), Shaikh Ahmad al-Fatani (w 1908M) dan seumpama mereka telah berjihad, mengemukakan ilmu perubatan di alam Melayu yang berpaksikan tauhid, maka jihad seumpama ini wajib dilakukan oleh generasi kini.

Tahniah juga diucapkan kepada Tabib Ustaz Naseer Sobree; pengasas Baytul Hikma, yang telah memulakan jihad penerbitan bahan ilmiah ilmu perubatan Melayu.

Semoga segala usaha diterima sebagai amal soleh yang menjadi pemberat neraca timbangan amal di padang mahsyar kelak.

Al-Faqir ila 'afwi Rabbihi,

Prof. Madya Dr. Arieff Salleh bin Rosman
Dekan, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia
Felo Penyelidik Fatwa, Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia

MUQADDIMAH

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله نحمده ونصلي على رسوله الكريم أما بعد

Kumulai menulis kitab ini dengan menyebut nama Allah, Tuhan yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Alhamdulillah, bersyukur kita ke Hadrat Allah Subhanahu wata'ala, yang dengan limpah kurnia dan taufiq dari-Nya dapatlah saya, hamba Allah yang serba lemah dan penuh kekurangan ini, membuat sedikit penelitian berdasarkan amalan, pengalaman, sedikit kajian serta serba sedikit pengetahuan kurniaan Allah Al-Muizz Al-Hakim untuk menulis satu kitab kecil berkaitan Perubatan Melayu.

Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Al-Mustafa Rasullullah *sallallahu alaihi wasallam,* ahli keluarganya dan para sahabatnya *radiallahu anhum ajma'in,* semoga kita semua sebagai ummatnya dapat mengikuti jejak langkah kehidupan Baginda *sallallahu alaihi wasallam* dan mendapat syafaat di Akhirat kelak.

Setelah hampir lebih dari 816 tahun[5], iaitu sebelum abad ke-12, penulisan berkaitan Perubatan Melayu bermula dengan manuskrip Kitab Tibb yang telah

[5] Semasa zaman orang Melayu mempercayai Animisme.

dijumpai pada abad ke-15 yang lalu. Menyedari akan kepentingan suatu bentuk penulisan kitab Perubatan Melayu ini maka pengumpulan maklumat dan kajian berkaitan Perubatan Melayu telah saya jalankan sejak tahun 2007 lagi untuk menghuraikan serba sedikit berkaitan Perubatan Melayu.

Semoga serba sedikit dari cetusan penulisan ini dapat menjadi salah satu bahan rujukan kepada pengamal-pengamal Perubatan Tradisional Melayu yang lain untuk mendalami dan mengkaji, seterusnya dapat melakukan satu inovasi dan integrasi dalam Perubatan Melayu.

Sebenarnya formulasi dan aplikasi yang terbentuk dalam Perubatan Melayu di Malaysia telah melalui banyak proses peralihan zaman yang panjang, barulah akhirnya terbina falsafah dan prinsip-prinsip asasnya yang tersendiri. Proses ini berlaku dari zaman kepercayaan orang Melayu kepada fahaman Animisme[6], Hindu, Buddha dan akhirnya kepada Islam. Apabila agama Islam telah diterima oleh masyarakat Melayu maka berlakulah peralihan amalan perubatan Greek-Arab dan Melayu dalam amalan Perubatan Melayu. Dan ketahuilah bahawa Perubatan Melayu dan Perbomohan Melayu adalah dua perkara yang berbeza sama sekali.

Kedatangan penjajah dari Portugis, Belanda dan British pada sekitar 1511 Masihi[7] pula membawa perubahan kepada masyarakat Melayu dari sudut amalan

---

[6] Animisme: Kepercayaan kepada roh atau semangat.
[7] Portugis menjajah Melaka.

perubatan dengan kehadiran doktor, jururawat dan ubat-ubatan dari Barat. Mereka juga telah mendirikan hospital-hospital di Semenanjung Tanah Melayu. Pihak Barat pula telah memberikan penjelasan kepada orang-orang Melayu bahawa kaedah rawatan mereka lebih moden dan saintifik.

Sebahagian masyarakat Melayu telah memilih perubatan Barat sebagai kaedah rawatan yang utama dan sebahagiannya masih tetap memilih cara tradisional Perubatan Melayu ketika itu.

Walau bagaimanapun perlulah kita sedari bahawa kejadian manusia terdiri daripada unsur roh dan jasad. Perubatan Melayu adalah satu kaedah perubatan yang merawat unsur roh dan jasad manusia, bahkan bermula dengan penyakit-penyakit rohaniahlah yang akhirnya menyebabkan wujudnya penyakit-penyakit jasmaniah. Jika kita hanya menumpukan pengubatan pada unsur jasad manusia sahaja, adalah seolah-olah kita merawat manusia yang telah mati.

Pada hari ini, dengan kewujudan bidang perubatan moden hasil cetusan dari zaman penjajahan Barat dahulu telah pun menjadikannya bidang amalan perubatan yang utama di Malaysia. Walau bagaimanapun di samping kepesatan teknologi dan inovasi perubatan moden di Malaysia, bidang amalan perubatan tradisional dan komplementari masih tetap diamalkan oleh sebahagian

kecil masyarakat majmuk[8] di Malaysia.

Perubatan tradisional dan komplementeri yang diamalkan di Malaysia terdiri daripada perubatan tradisional Melayu, pengubatan Islam, perubatan tradisional Cina, perubatan tradisional India, perubatan Homeopati dan perubatan Komplementari.

Pada 1 hari bulan Ogos 2016 yang lalu, dengan rasminya Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari[9] dikuatkuasakan di seluruh Malaysia. Pada 16 hari bulan Januari 2017 pula Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari pula telah ditubuhkan. Begitu juga pada 25 hari bulan julai 2017, Warta Kerajaan Persekutuan telah mengumumkan bahawa bidang amalan Perubatan Tradisional Melayu telah diiktiraf di Malaysia. Oleh yang demikian setiap pengamal perubatan tradisional dan komplementari yang ada di seluruh Malaysia hendaklah berdaftar dengan Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari. Mereka juga akan memperolehi Sijil Amalan Tahunan yang dikeluarkan oleh pihak Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari yang melayakkan diri sebagai pengamal berdaftar.

Walau bagaimanapun proses peralihan pengamal-pengamal Perubatan Tradisional dan Komplementari ini juga mengambil tempoh masa yang agak panjang sebelum

---

[8] Masyarakat di Malaysia terdiri daripada bangsa Melayu, Cina, India, Pribumi dan lain-lain.

[9] Akta 775 Perubatan Tradisional dan Komplementari.

keseluruhan Akta 775 ini dikuatkuasakan sepenuhnya.

Jutaan terima kasih juga kepada sahabat-sahabat pengamal yang bersama-sama khususnya tuan Norhissam Mustafa, puan Suriani Sanusi, Ustaz Naseer Sobree dan Ustaz Abdul Hadi Mohd Isa kerana memberikan dorongan dan dokongan serta menyumbangkan ilmu, pendapat dan pengalaman untuk menulis secara ringkas berkisar Perubatan Melayu.

"Bangsa Arab, Melayu dan Cina,
Singgah berdagang di Tanah Melayu;
Tidak tertinggal bangsa India,
Mereka bertandang menjadi satu.

Kata pujangga, takkan Melayu hilang di dunia,
Bangsanya mulia bersopan santun;
Perubatan Melayu warisan pusaka,
Menjadi amalan turun-temurun".

NORNIZAM NGADENI
1 Ogos 2017 M
8 Zukaedah 1438 H

BAB 1

SEJARAH BANGSA MELAYU

Jika kita ingin mengetahui sejak bilakah bermulanya amalan Perubatan Melayu, kita mestilah mengetahui bilakah bermulanya ketamadunan bangsa Melayu di Nusantara.

Pada hakikatnya asal usul kepada keturunan manusia di dunia ini adalah daripada Nabi Adam Alaihissalam dan isterinya Hawa Alaihassalam. Melalui merekalah zuriat Bani Adam berkembang biak menjadi berbagai bangsa, suku, puak dan keturunan.

Asal usul bangsa Melayu[10] merupakan satu pengkajian yang sukar untuk ditentukan. Sumber maklumat yang diperolehi adalah berbagai-bagai dan

[10] Wikipedia Ensiklopedia bebas; *https://ms.wikipedia.org/wiki/Sejarah_orang_Melayu*

terdapat juga percanggahan-percanggahan fakta dan teori serta pandangan dari sarjana-sarjana daripada Melayu, China, India dan Inggeris. Segelintir daripada golongan sarjana dan pengkaji sejarah Melayu juga mengatakan banyak unsur-unsur mitos atau lagenda dalam sejarah Melayu kerana wujudnya penulisan berbentuk hikayat serta cerita-cerita yang disampaikan secara mulut-kemulut tanpa sebarang teks penulisan.

Walau bagaimana pun terdapat juga beberapa kajian telah dijalankan tetapi masih belum ada kata sepakat oleh para sarjana dalam bidang yang berkaitan. Terdapat tiga teori utama mengenai asal-usul bangsa Melayu;

- Bangsa Melayu berasal dari Yunnan[11]
- Bangsa Melayu berasal dari Nusantara[12]
- Bangsa Melayu Benua Sunda *(Sundaland)*

FASAL 1 : TEORI YUNNAN

Penyelidikan ini telah dijalankan oleh sarjana Eropah, Hendrik Kern[13] (Belanda) dan Robert Von Heine Gelderm (Austria) mengenai latar belakang dan pergerakan masyarakat Melayu kuno. Menurut teori mereka, bangsa Melayu berasal daripada kelompok

[11] Teori Yunnan kajian Hendrik Kern dan Robert Von Heine Gelderm.

[12] Teori Nusantara kajian J. Crawfurd.

[13] *Johan Hendrik Caspar Kern, Dutch (April 6, 1833– July 4, 1917)*

buku ini adalah dari sudut lain menonjolkan kewujudan bangsa Melayu sebagai mempunyai induk dan akar umbi, tunjang yang lebih lama dan lebih tua yang pernah difikirkan, dan membangunkan suku kaum antara yang terbesar jumlahnya di dunia.

Fasal 6 : Kitab Sulalatus Salatin

Kitab Sejarah Melayu lama, Sulalatus Salatin[23] ada menyebut bahawa Melayu adalah nama sungai di Sumatera Selatan yang mengalir di sekitar bukit Si Guntang, Palembang. Petikan daripada kitab Sulalatus Salatin;

> "Kisah Bermula di Bukit Si Guntang… Alkisah maka tersebutlah perkataan sebuah negeri di tanah Andalas[24], Palembang namanya. Nama rajanya Demang Lebar Daun, asalnya daripada anak cucu Raja Sulan juga. Adapun negeri Palembang itu, Palembang yang ada sekarang inilah. Muara Tatang nama sungainya, di hulunya itu ada sebuah sungai, Melayu namanya. Adalah dalam sungai itu ada satu bukit bernama Bukit Si Guntang, di hulunya Gunung Mahamiru, di daratnya ada satu padang bernama Padang Penjaringan. Maka ada dua orang perempuan balu berhuma padi, terlalu luas

---

[23] Ditulis dalam tulisan jawi dengan bahasa Melayu Klasik oleh Tun Sri Lanang pada tahun 1511 Masihi.

[24] Tanah Sumatera.

> humanya, adalah namanya seorang Wan Empuk dan seorang namanya Wan Malini. Maka terlalulah jadi padinya.Tiada dapat terkatakan, hampir akan masak padinya itu."[25]

Si Guntang merupakan tempat kemunculan pertama, tiga orang raja yang datang ke alam Melayu. Mereka berasal dari keturunan raja-raja Melayu di Palembang, Temasek[26], Melaka, Johor, Minangkabau dan Tanjung Pura.

Sejarah Melayu *(Malay Annals)* yang dinamakan Sulalatus Salatin bermaksud "Pertuturan Raja-Raja" oleh Tun Sri Lanang ditulis pada tahun 1511 Masihi merupakan satu karya yang paling penting, dengan tulisan jawi serta berbahasa Melayu Klasik yang merupakan sumber yang autentik[27] bagi informasi kemelayuannya. Kitab sejarah Melayu ini disusun semula pada sekitar tahun 1612 Masihi. Terdapat juga kenyataan bahawa anggota kerajaan Melaka menyebut diri mereka keturunan Melayu dari daerah Palembang seperti keluarga raja-raja di Negeri Sembilan iaitu, Yang Dipertuan Ali Alam Shah yang dianggap berketurunan dari Raja Minangkabau yang terakhir. Pada masa itu sebutan Melayu merujuk pada keturunan sekelompok

---

[25] Sejarah Melayu; Sulalatus Salatin, penterjemah; A.Samad Ahmad; PDF Dewan Bahasa dan Pustaka 2008.

[26] Singapura.

[27] Dari perkataan inggeris *"authentic"* bermaksud asli, tulin atau benar.

kecil orang Sumatera pilihan.

Kitab Sulalatus Salatin

Seiring dengan peredaran zaman definisi Melayu berdasarkan ras[28] ini mulai ditinggalkan. Definisi Melayu menjadi berdasarkan budaya dan adat, di mana orang Melayu adalah orang yang mempunyai etika, tingkah laku dan adat Melayu. Pada waktu Islam mulai dianut di daerah Sumatera dan Semenanjung Malaka, keyakinan dan ketaatan terhadap agama Islam menjadi salah satu ciri khas dari orang Melayu.

Pada abad ke-18, William Marsden menyebutkan

---

[28] Etnik atau budaya.

BAB 2

SEJARAH PERUBATAN MELAYU

Bidang perubatan merupakan salah satu elemen yang wujud dalam ketamadunan sesuatu bangsa. Ketamadunan sesuatu bangsa meliputi;

- Agama atau pegangan hidup
- Sistem Ilmu dan pendidikan
- Sistem penjagaan kesihatan dan pengurusan penyakit
- Sosial, kebudayaan dan kesenian masyarakat atau bangsa
- Kerajaan atau sistem politik
- Sistem Undang-undang Negara
- Sistem ekonomi, mata wang dan perdagangan
- Bahasa, tulisan dan takwim
- Sistem pertanian, penternakan dan industri
- Sistem keselamatan dan ketenteraan Negara

- Sistem membangunkan hasil bumi dan khazanah Negara
- Sistem pembangunan infra-struktur dan kebajikan rakyat

Pegangan hidup atau agama, kebudayaan, sosial, ekonomi dan politik sesuatu bangsa juga memberikan kesan atau pengaruh di dalam amalan perubatan mereka.

Faktor penjagaan kesihatan sesuatu bangsa amatlah penting dalam menjalani kehidupan seharian kerana jika masyarakat sesuatu bangsa itu berpenyakit atau mengalami wabak penyakit berjangkit kesemua unsur-unsur pembangunan sesebuah tamadun akan lemah, lumpuh dan runtuh.

Fasal 1 : Kepercayaan Animisme dalam Masyarakat Melayu

Bidang amalan Perubatan Tradisional Melayu sudah pun diamalkan sejak zaman orang Melayu berfahaman Animisme[37] lagi, kira-kira sebelum abad ke-12, iaitu 816 tahun yang lalu. Amalan perubatan tradisional orang Melayu ini juga telah berkembang sejak sebelum kedatangan bangsa India, China, Arab dan Inggeris (Portugis, Belanda dan British).

Pada ketika itu dikatakan orang-orang Melayu telah menggunakan khidmat daripada bomoh, dukun, pawang dan bidan dalam menjalani kehidupan harian mereka.

---

[37] *https://ms.wikipedia.org/wiki/Animisme*

sini sejak sebelum awal kurun ke -17 Masihi.

Fasal 4 : Kedatangan Agama Islam dan Penerimaan Masyarakat Melayu

Kedatangan agama Islam di Nusantara Melayu dan penerimaannya sangat memberi perubahan besar kepada amalan Perubatan Melayu. Falsafah, prinsip-prinsip amalan dan konsep perubatan Melayu menjadi bertambah kuat, mantap dan tepat kepada matlamatnya. Kedatangan bangsa Arab melalui perdagangan dan dakwah Islamiah kepada penduduk Nusantara Melayu telah diterima dengan baik oleh masyarakat Melayu.

ASAL – USUL PERUBATAN MELAYU

Perkembangan Perubatan Melayu

Bangsa Arab membawa elemen perubatan Greek-Arab dan penerimaan para pengamal perubatan Melayu telah mengasimilasikannya menjadi Perubatan Greek-Arab-Melayu dalam amalan Perubatan Melayu. Maka dengan penerimaan agama Islam oleh pengamal perubatan Melayu, akidah atau pegangan prinsip perubatan Melayu menjadi sangat kuat di mana unsur-unsur syirik dan khurafat daripada amalan Animisme, Hindu dan Budha dapat dihindarkan dalam amalan perubatan mereka.

Pada ketika inilah perawat atau pengamal Perubatan Melayu mula menggunakan gelaran 'Tabib' sebagai panggilan kepada pengamal Perubatan Melayu.

Fasal 5 : Perubahan dan Pemantapan Aliran Greek-Arab-Melayu

Petikan sejarah kedatangan Islam ke Melaka dari Kitab Sulalatus Salatin oleh Tun Muhammad atau Tun Sri Lanang (1511 Masihi) menulis pada tahun 1565 Masihi di Seluyut, Johor Lama;

> "Maka anakanda baginda, Raja Kecil Besarlah kerajaan, mengantikan ayahanda baginda.Terlalulah adil saksama baginda pada memeliharakan segala rakyat, seorang pun tiada raja-raja dalam alam ini sepertinya pada zaman itu, lagi dengan murahnya. Maka negeri Melaka pun besarlah lagi dengan makmumnya; segala dagang pun berkampung. Baginda beristerikan anak Tun Perpatih Permuka Berjajar,beranak da orang lelaki, seorang bernama

kebenaran[44]

Falsafah adalah pengetahuan dan penyelidikan tentang sebab-sebab (asas-asas, hukum) kewujudan sesuatu ataupun tentang kebenaran dan erti wujudnya sesuatu: ahli falsafah ialah orang yang ahli dalam bidang falsafah. Berfalsafah bererti berfikir secara mendalam tentang sesuatu, mengemukakan atau memperkatakan sesuatu falsafah.[45]

Prinsip asas adalah suatu pernyataan fundamental atau kebenaran umum maupun individual yang dijadikan oleh seseorang atau kelompok sebagai sebuah pedoman untuk berfikir atau bertindak.[46]

Prinsip asas adalah pegangan asas sebagai rukun amalan.[47]

Fasal 2 : Falsafah Perubatan Melayu

A) Falsafah Perubatan Melayu adalah berusaha untuk menghasilkan dan memelihara kesihatan tubuh badan manusia secara menyeluruh daripada penyakit Rohaniahnya dan Jasmaniahnya agar memperolehi keseimbangan *aql, nafs* dan jasmani, supaya menjadi insan yang sihat pada zat, sifat dan af'alnya untuk melakukan pengabdian diri secara ikhlas kepada Allah Subhanahu wa

---

[44] Wikipedia, Ensiklopedia bebas.
[45] Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka.
[46] Wikipedia, Ensiklopedia bebas.
[47] Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ta'ala.

Allah Subhanahu wataala adalah Dzat yang Maha Pencipta. Dialah Allah yang menciptakan manusia dengan Kuasa dan KehendakNya. Manusia telah diciptakan sebagai sebaik-baik ciptaan.

Carta Prinsip Asas Perubatan Melayu

Firman Allah Subhanahu wataala di dalam Al-Quran;

لقد خلقنا الأنسان في أحسن تقويم

Maksudnya; *Sesungguhnya kami telah menjadikan manusia sebagai sebaik-baik ciptaan.*[48]

---

[48] Al-Quran, Surah at-Tin, ayat 4.

Tujuan Allah Subhanahu wata'ala menciptakan manusia adalah;

1. Beribadah (mengabdikan diri) kepada Allah Subhanahu wataala
2. Menjadi khalifah Allah di muka bumi (sebagai hamba Allah yang melaksanakan perintah-perintah Allah)
3. Menjalankan kerja *amar makruf*[49] dan *nahi mungkar*[50]

Kejadian manusia terdiri daripada dua unsur:

1. Unsur Roh
2. Unsur Jasad

Roh pula terbahagi kepada tiga bahagian;

1. Ruh Al-Idhofi
2. Ruh Al-Aql
3. Ruh Al-Nafs

Aqal pula terbahagi kepada dua keadaan;

1. Keadaan dipimpin (petunjuk Allah)
2. Keadaan tidak mendapat pimpinan Allah

Nafs (juga di panggil jiwa) pula terbahagi kepada tujuh maqamat atau tingkatan;

1. Nafsu Kamilah (tingkatan tertinggi)

---

[49] Mengajak kepada kebaikan.

[50] Mencegah kemungkaran.

2. Nafsu Mardiah
3. Nafsu Radiah
4. Nafsu Mutmainnah
5. Nafsu Mulhamah
6. Nafsu Lawwamah
7. Nafsu Ammarah (tinkatan terendah)

Kejadian An-Nafs juga diletakkan unsur mahmudah (terpuji) dan mazmumah (tercela) supaya manusia berjuang atau bermujahadah di dalam diri sendiri.

Penyakit-penyakit Rohaniah banyak tertumpu pada nafsu;

1. Ammarah
2. Lawwamah

Jasad pula terbahagi kepada 4 unsur

1. Unsur Tanah
2. Unsur Api
3. Unsur Air
4. Unsur Angin

Unsur antara langit dan bumi termasuk haiwan dan tumbuhan pula terdiri;

1. Unsur Roh
2. Unsur Tanah, Api, Air dan Angin

Unsur yang menganggu Roh dan turut menjejaskan jasad manusia adalah;

1. Syaitan
2. Jin

hangat lagi kering, tempat kediamannya pada hempedu, faedahnya menenangkan darah dan membasah segala perut seni daripada segala hampas dan *balgham.* Adapun *sauda'* itu khasiatnya sejuk lagi kering, tempat kediamannya pada limpa.

Manuskrip Kitab Bustan Al-Salatin bab ke 7
Fasal Ilmu Tasyrih dan Ilmu Tibb
Oleh Sheikh Nuruddin Al-Ranirri 1638 Masihi

Carta 3.1 Hierarki unsur tubuh manusia

FASAL 4 : AL-RUH (ROH)

Roh adalah benar dan wujud. Roh adalah benda yang ghaib (tidak dapat dilihat oleh mata manusia) dan tidak dapat dikesan dan diukur oleh sebarang *'device'* (peralatan). Roh adalah dari Allah, urusan Allah, perintah Allah dan wujudnya dari Allah Subhanahu wa Ta'ala. Roh dijadikan daripada cahaya atau Nur.

Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala di dalam Al-Quran;

ويسألونك عن الرّوح قل الرّوح من أمر ربّى

وما أوتيتم من العلم إلّا قليلا

Roh terbahagi kepada tiga bahagian;

1. Ar-Ruh Al-Idhofi (الروح الإضافي) - dinamakan Ruh Al-Hayah, roh segala sumber kehidupan atau dipanggil 'nyawa'. Berbentuk ghaib dan halus tidak dapat dilihat mata kasar manusia mahupun sebarang media (peralatan) sains.
2. Ar-Ruh Al-Aql (الروح العقل) - ruh intelektual untuk menyimpan maklumat dan berfikir, membuat pertimbangan yang baik atau yang buruk sebelum roh An-Nafs (jiwa) membuat keputusan muktamat. Berbentuk ghaib dan halus.
3. Ar-Ruh An-Nafs (الروح النفس) - roh keperibadian atau kejiwaan, keakuan (keegoan) yang menyebut dalam diri yang ghaib, samar (sirr) 65, mengatakan dirinya sebagai "aku". Roh yang mempunyai kehedak atau hawa nafsu dan di sinilah bermulanya niat untuk melakukan atau tidak mahu melakukan sesuatu perkara. Roh An-Nafs yang membuat keputusan muktamat pada seluruh perbuatan tubuh badan, samada berbicara atau berdiam diri, mahu berjalan, berlari atau duduk berdiam diri.

Fasal 5 : Al-Ruh Al-Idhofi[66]

Roh Al-Idhofi juga berbeza-beza tingkatannya misalnya roh para Nabi dan Rasul, orang soleh dan orang-orang awam. Salah satu daripada tingkatan roh al-Idhofi adalah

---

65 Arab; rahsia.

66 Roh Al-Hayah, Roh sumber kehidupan.

Roh Rabbani, Roh Al-Ruh-ul-Quddus, Roh Al-Amin dan lain-lain lagi. Secara mukhtasar[67] ianya terbahagi kepada tiga;

1. Ruh Al-Awwam-roh yang dimiliki oleh manusia biasa.
2. Ruh Al-Khusus- roh golongan orang-orang soleh seperti wali Allah atau Ahlullah.
3. Ruh Al-Khususul khusus – roh para Nabi dan Rasul.

Roh Al-Idhofi ini seratus peratus dikawal oleh Allah Subhanahu wata'ala, ianya bergerak mengikut ketentuan, kehendak dan takdir dari Allah Subhanahu wata'ala dan manusia itu sendiri tidak dapat mengawalnya seperti denyutan jantung, aliran darah, penghasilan oksigen dari paru-paru, jangka hayat atau umur manusia dan sebagainya. Roh ini sebenarnya adalah qudrat (kuasa) Allah.

Roh Al-Idhofi ini masuk melalui ubun-ubun kepala terus bergerak kejantung manusia dan menyebar keseluruh tubuh badan melalui salur darah manusia ketika masih janin di dalam rahim manusia. Sebagaimana proses tumbesaran atau kematangan jasad berlaku di dalam Rahim manusia dan proses kelahiran dari bayi hingga dewasa begitu jualah proses kematangan roh juga berlaku dalam diri manusia. Dalam tempoh kandungan ini peranan ibu-bapa sangat penting untuk melakukan ketaatan mengikut Al-Quran dan As-Sunnah Rasulullah

[67] Arab; ringkas.

BAB
4

PRINSIP DAN ADAB PENGAMAL PERUBATAN MELAYU

Fasal 1 : Prinsip-Prinsip Asas Seorang Tabib (Perawat)

Setiap pengamal atau perawat perubatan melayu mestilah mengusahan sifat atau kualiti diri seperti berikut;

Aqidah yang Sahih

Seorang pengamal wajiblah memiliki tauhid atau aqidah pada Rohnya yang sadiq lagi sahih kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala.

Seorang Tabib atau *Muallij* atau Perawat wajiblah mengusahakan keyakinan didalam qalbunya (hati yang rohani) secara jazam dan dawam 100% keyakinan hanyalah kepada Dzat Allahu Azza wa Jalla. Meyakini

bahawa hanyalah Allah Dzat Yang Maha Kuasa. Allahlah yang menciptakan semuanya yang ada di alam Dunia dan di alam Akhirat. Segalanya yang berlaku atau terjadi adalah hanya dengan Iradah (kehendak) dan Qudrat (kuasa) Allah Subhanahu wa Ta'ala. Dzat Yang Maha Berkuasa hanyalah Dzat Allah dan selain dari Allah tidak berkuasa atau berupaya langsung. Inilah asas Tauhid pada Kalimah Tauhid.

Sadiq bererti benar pada hati, lidah dan perbuatan, sahih beerti betul dan jitu atau tepat. Keyakinan yang sadiq dan sahih ini merupakan teras untuk mendapatkan *maunah* atau pertolongan daripada Allah Rabbul Izzah. Seorang perawat sebenarnya tidak boleh berbuat apa-apa, tiada daya upaya untuk menyembuhkan penyakit melainkan hanyalah Allah Dzat Yang Maha Penyembuh. Maka dengan keyakinan ini seorang perawat itu terus memohon dan berserah diri kepada Allah untuk mengharapkan bantuan dariNya. Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala;

Cekal dalam Perjuangan

Seorang yang cekal, bersemangat dan berani di dalam sesuatu perjuangan untuk mencapai matlamatnya.

Fasal 2 : Pegangan Diri Seorang Pengamal Perubatan Melayu

Konsep Kesembuhan

Pada Kitab Tibb oleh Sheikh Ahmad Al-Fatani ada menyebut di dalam muqaddimahnya yang merupakan satu prinsip di dalam ilmu perubatan iaitu;

> "Ilmu yang dengan dia dipeliharakan sihat yang ada dan dengan dia dikembalikan sihat yang telah hilang."[86]

Maka setiap seorang pengamal perubatan Melayu mestilah berpegang dengan prinsip-prinsip berikut;

- Dzat Allah adalah sumber kesembuhan dan Dzat yang Maha Penyembuh (Al-Syafi).

Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala;

[86] Kitab Perubatan Melayu, *Tayyib al-Ihsan fi Tibb al-Insan;* Syeikh Ahmad al-Fatani, 2015. ISBN 978-983-9701-93-7

Maksudnya; *"Dan apabila aku sakit Allahlah yang menyembuhkannya."*[87]

Dzat Allah itu sendiri yang bernama Al-Syafi iaitu Yang Maha Penyembuh. Seorang perawat wajiblah beriman denganNya. Seorang perawat hendaklah menafikan kebolehan, kemahiran dan usaha ikhtiarnya di dalam perawatannya bahkan sebaliknya segala usaha ikhtiarnya disandarkan kepada kekuasaan Dzat Allah semata-mata.Tugas seorang tabib atau perawat juga hendaklah mengingatkan kepada pesakitnya bahawa penyakit yang dideritai itu adalah datangnya daripada Allah Subhanahu wa Ta'ala dan mereka perlulah bermohon kepada Allah akan kesembuhannya.

Maka adab seorang perawat dan pesakit adalah berusaha dan berdoa memohon kesembuhan daripada Allah Subhanahu wa Ta'ala.

- Allah yang menciptakan penyakit dan manusia diperintahkan untuk berikhtiar mencari kesembuhan dan berserah diri kepada Allah.

Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala;

[87] Surah As-Syura Ayat 80.

BAB 5

STRUKTUR PERUBATAN MELAYU

Carta 5.1 Kandungan Perubatan Melayu

Merujuk pada carta di atas sangat jelas menunjukkan Perubatan Melayu terbina dan berkembang dengan strukturnya yang sangat kukuh dan harmoni.

Perubatan Melayu mempunyai dasar atau asas yang yang sangat kuat bersumberkan Ilmu wahyu iaitu Al-Quran dan Al-Hadis. Selain dari itu Perubatan Melayu memiliki falsafahnya dan prinsip-prinsipnya yang tersendiri.

Perubatan Melayu juga memiliki pengetahuan teras yang sangat banyak dan mendalam termasuk ilmu diagnosis atau menganalisa penyakit secara rohani dan jasmani.

Sebagaimana di dalam bab kedua sejarah Perubatan Melayu ini berdasarkan peralihan zaman, penghijrahan dan percampuran budaya bangsa iaitu Melayu, China, Arab dan Eropah, maka terbentuklah struktur Perubatan Melayu yang unik dan tersendiri. Dengan kedatangan Islam ke Nusantara Melayu maka terwujudlah aliran perubatan Greek Arab Melayu di dalam perubatan Melayu. Menjadikan Falsafah dan Prinsip Asasnya teguh bertunjangkan Ilmu Wahyu (Al-Quran dan Al-Hadis). Akhirnya, Perubatan Melayu dapat mengasimilasikan kaedah-kaedah perubatan bangsa lain tanpa mencacatkan falsafah dan prinsip-prinsip asasnya. Inilah kekayaan di dalam Perubatan Melayu.

Melalui falsafah, prinsip asas dan amalan terapi di dalam perubatan Melayu maka terbentuklah satu struktur dalam sistem perubatan Melayu yang sangat jelas dinyatakan di dalam manuskrip seperti;

a. *Bustan al-Salatin* oleh Sheikh Nuruddin Ar-Raniri, Acheh 1638 Masihi
b. *Al-Rahmah* oleh Sheikh Abbas Kuta Karang, Acheh
c. *Kitab Tib Terengganu MSS 1292* Haji Mahmud Al-Jawi, 1820 Masihi
d. *Kitab Tib Melayu* oleh Muhammad Salleh Ahmad Penambang, Kelantan 1872 Masihi
e. *Tayyib Al-Ihsan* oleh Sheikh Ahmad Al-Fatani, Petani 1894 Masihi
f. *Khazinat al-Insan* oleh Hakim Abdullah, 1951 Masihi

Berdasarkan manuskrip-manuskrip tersebut, dapatlah disimpulkan struktur Perubatan Melayu dalam satu kerangka dasar yang meliputi kesemua ilmu dan dalam masyarakat Melayu.

Secara umumnya Perubatan Melayu terbahagi kepada dua bahagian iaitu ilmu perubatan dan ilmu pengukuhan perubatan. Ilmu perubatan merujuk kepada ilmu perubatan yang sebenar yang berkait dengan soal-soal kesihatan dan kesakitan. Ilmu perubatan merangkumi ilmu toretikal dan praktikal.

Ilmu pengukuhan perubatan pula merujuk kepada ilmu-ilmu tambahan yang membantu pelaksanaan ilmu perubatan, ia tidak berkait dengan soal-soal dan kesakitan secara langsung. Maka, Perubatan Melayu melibatkan tiga ilmu dasar iaitu;

I. Perubatan Melayu Teoretikal
II. Perubatan Melayu Praktikal
III. Pengukuhan Perubatan Melayu

Carta 5.2 Struktur Perubatan Melayu

FASAL 1 : PERUBATAN MELAYU TEORETIKAL[93]

Perubatan Melayu Teoretikal ialah ilmu yang bersifat ilmiah yang membincangkan konsep perubatan tanpa melibatkan aplikasi dan amalan.

Perubatan Melayu Teoretikal membahaskan konsep tubuh yang sihat dan sakit, serta punca dan tanda bagi kedua-dua keadaan tersebut. Kesemuanya dapat dikaji dalam empat bidang iaitu;

1. Kaji Sihat
2. Kaji Sakit
3. Kaji Punca
4. Kaji Tanda

---

[93] Tajuk *Perubatan Melayu Teoretikal* dan *Perubatan Melayu Praktikal* dipetik daripada tulisan Naseer Sobree dalam buku *Dialog Existologi* dan *Oximel,* dengan sedikit perubahan.

Kaji Sihat

Kaji Sihat atau fisiologi ialah bidang yang mengkaji keadaan tubuh yang sihat dan normal. Tubuh yang sihat terdiri daripada struktur dan fungsi. Ia dikenali juga dengan nama Perkara-Perkara Tabi’i (Umūr Ṭabī‘iyyah). Dalam Perubatan Melayu, tubuh yang sihat mempunyai tujuh ciri yang utama iaitu;

1. Unsur (Arkān)
2. Sifat (Mizāj)
3. Humor (Akhlāṭ)
4. Organ (A‘ḍā’)
5. Bayu (Arwāḥ)
6. Tenaga (Quwā)
7. Fungsi (Af‘āl)

Unsur ialah struktur yang paling asas bagi manusia. Gabungan unsur menghasilkan pelbagai struktur lain. Terdapat 4 jenis unsur iaitu;

1. Api
2. Angin
3. Air
4. Tanah

Sifat ialah kualiti yang ada pada unsur dan gabungan unsur. Terdapat empat sifat yang asas iaitu Panas, Sejuk, Kering dan Basah. Setiap unsur memiliki dua sifat;

1. Api bersifat Panas dan Kering
2. Angin bersifat Panas dan Basah
3. Air bersifat Sejuk dan Basah
4. Tanah bersifat Sejuk dan Kering

Humor ialah cecair tubuh. Terdapat 4 jenis humor iaitu;

1. Dam (darah)
2. Balgham (dahak)
3. Ṣafrā’ (hempedu kuning)
4. Sawdā’ (hempedu hitam)

Dam mewakili unsur Angin serta bersifat Panas dan Basah. Balgham mewakili unsur Air serta bersifat Sejuk dan Basah. Ṣafrā’ mewakili unsur Api serta bersifat Panas dan Kering. Sawdā’ mewakili unsur Tanah serta bersifat Sejuk dan Kering.

Organ ialah struktur pejal yang terhasil daripada humor. Terdapat dua jenis organ iaitu organ tunggal (a‘ḍā’ mufradah) dan organ gabung (a‘ḍā’ murakkabah).

Organ tunggal dalam Perubatan Melayu merujuk kepada ‘tisu’ dalam Perubatan Moden, seperti lemak, tulang dan daging. Organ gabung pula menepati istilah organ dalam Perubatan Moden, seperti jantung, hati, ginjal dan peparu.

Bayu ialah sejenis gas halus yang memberikan keupayaan hidup kepada manusia. Jika dibandingkan dengan Perubatan Moden, bayu boleh disamakan dengan gas oksigen.

Tenaga ialah keupayaan semula jadi yang mentadbir segala proses dalam tubuh. Terdapat tiga jenis tenaga iaitu;

1. Tenaga Tabi‘i yang mengurus nutrien, tumbesaran dan keturunan
2. Tenaga Haiwani yang mengurus penghasilan tenaga, suhu badan dan pergerakan

3. Tenaga Nafsani yang mengawal segala proses Tabi‘i dan Haiwani melalui proses sensori *(input)* dan motor *(output)*

Fungsi ialah segala proses yang berlaku dalam tubuh. Terdapat dua jenis fungsi iaitu;

1. Fungsi Tunggal seperti penyerapan nutrien yang hanya melibatkan Tenaga Tabi‘i sahaja
2. Fungsi Gabung seperti rasa lapar yang melibatkan Tenaga Tabi‘i dan Tenaga Nafsani

Kaji Sakit

Kaji Sakit atau patologi ialah bidang yang mengkaji keadaan tubuh yang sakit dan tidak normal. Perbincangan utama bagi tajuk ini ialah jenis-jenis penyakit. Penyakit dibahagikan kepada dua iaitu Penyakit Struktur dan Penyakit Fungsi. Penyakit Struktur dibahagikan kepada 2 kategori iaitu;

1. Penyakit Struktur Tunggal
2. Penyakit Struktur Gabung

Ada tiga jenis Penyakit Struktur Tunggal iaitu;

1. Perubahan mizāj (sifat) struktur
2. Perubahan kuantiti dan kualiti struktur
3. Pemisahan struktur

Penyakit Struktur Gabung pula melibatkan gabungan Penyakit Struktur Tunggal seperti bengkak. Penyakit Fungsi melibatkan perubahan fungsi tubuh sama ada secara kuantitatif atau kualitatif.

3. *Qarurah* atau melihat warna air kencing
4. Unsur Tanah, Api, Air dan Angin
5. Mizaj Panas, Kering, Sejuk dan Basah
6. Ketidakseimbangan Mizaj
7. Ketidakseimbangan pemakanan
8. Keadaan persekitaran atau keadaan sekeliling
9. Aktiviti seharian
10. Faktor gangguan manusia, jin, syaitan atau sihir.

PALPASI (DENYUTAN NADI)

Beberapa alamat atau petunjuk (petanda) dapat dikesan melalui pemeriksaan denyutan nadi yang mana digunakan sebagai asas diagnos tahap kesihatan atau penyakit di dalam tubuh badan manusia. Di antara petanda-petanda tersebut adalah;

1. Jika denyutan nadi itu kasar atau keras dan cepat atau lekas pergerakannya, ini menunjukkan seseorang itu mempunyai kandungan darah yang banyak.
2. Jika denyutan nadi itu halus atau lembut dan cepat, petanda seseorang itu lebih akan kandungan safra'[109]
3. Jika denyutan nadi itu halus dan lembut (perlahan) pergerakannya, petanda seseorang itu bertambah unsur sawda'[110]

---

[109] Hempedu.
[110] Limpa.

4. Jika denyutan nadi itu kasar atau kuat tetapi lembut atau perlahan pergerakannya petanda menunjukkan banyaknya balgham[111]
5. Jika denyutan nadi itu pertengahan dari sudut kasar dan halus; segera (cepat) dan lembut; ini menunjukkan pertengahan segala akhlat, ini merupakan petanda seseorang itu sihat wal afiat.
6. Terdapat berbagai ragam atau mod nadi yang hanya dapat dikesan akan petandanya oleh tabib yang sangat pakar atau mahir

Pemeriksaan palpasi nadi

QARURAH ATAU WARNA AIR KENCING

Analisa daripada melihat warna air kencing adalah seperti berikut;

[111] Lendir.

BAB 6

BIDANG AMALAN ATAU MODALITI DALAM PERUBATAN TRADISIONAL MELAYU

Salah satu daripada keunikan Perubatan Melayu adalah mempunyai bidang amalan yang sangat banyak. Secara umumnya bedasarkan falsafah dan prinsip asas Perubatan Melayu, bidang perubatan ini menekankan aspek pemeliharaan dan pengurusan kesihatan tubuh manusia. Mengekalkan dan menguruskan kesihatan beerti melakukan pencegahan penyakit yang melibatkan kos perbelanjaan kewangan yang sangat kecil.

Berbanding dengan pengurusan penyakit yang melibatkan kos perbelanjaan yang sangat besar seperti penyeleggaraan bangunan, peralatan-peralatan klinikal yang maju, wad-wad pesakit, bahan-bahan ubatan,

makmal-makmal diagnostik, bilik-bilik pembedahan, kakitangan hospital dan sebagainya.

Salah satu amalan penjagaan kesihatan yang diamalkan oleh masyarakat Melayu sejak dahulu lagi adalah amalan petua dan pantang larang. Petua dan pantang larang dalam masyarakat Melayu meliputi semua aspek dalam kehidupan misalnya makan, minum, tidur, berkeluarga, bekerja, bermusafir dan sebagainya.

Fasal 1 : Rawatan Kerohanian

Unsur roh di dalam tubuh manusia merupakan unsur yang paling utama dan perlu diambil berat akan kepentingannya. Ini adalah kerana unsur roh yang menyebabkan tubuh badan manusia bernyawa dan berfungsi. Allah Subhanahu wa Ta'ala telah menetapkan bahawa unsur roh adalah unsur yang kekal sedangkan unsur jasmani manusia akan binasa.

Oleh yang demikian sudah tentulah penjagaan dan rawatan penyakit rohani menjadi keutamaan dari yang lainnya. Rawatan penyakit-penyakit *mazmumah* (tercela) perlu kepada Syariat Islam yang sempurna. Manakala ada sebahagian penyakit gangguan roh yang perlu dirawat dengan kaedah *Ruqyah* atau Rawatan dengan doa-doa penawar misalnya;

1. Gangguan Aqal fikiran seperti;
    i. Fikiran kusut dan bercelaru
    ii. Hilang ingatan
    iii. Tiada fokus dan keliru
    iv. Hilang pertimbangan atara baik dan

PENUTUP

Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu wa Ta'ala, akhirnya dapatlah saya menyiapkan satu kitab kecil yang berjudul *Falsafah dan Prinsip Asas Perubatan Melayu.*

Kitab ini merupakan satu permulaan sebagai pencetus kepada pengamal-pengamal Perubatan Melayu untuk melakukan penambahbaikan dan pengkajian yang lebih mendalam dan sistematik. Bidang amalan Perubatan Melayu sudah berada di arus perdana, sambutan masyarakat majmuk di Malaysia juga sangat menggalakkan.

Secara amnya Perubatan Melayu adalah suatu sistem pengurusan kesihatan, agar tubuh badan manusia terhindar dari penyakit dan sentiasa menjaga dan memelihara kesihatan. Perubatan Melayu menekankan aspek kesihatan roh dan jasad. Kesihatan bermula dari unsur roh, roh yang berpenyakit perlu dirawat dan dengan roh yang sihat akan menghasilkan jasad yang sihat. Mencegah penyakit adalah lebih baik dari merawatnya.

Menguruskan penyakit atau pesakit memerlukan perbelanjaan yang sangat besar. Sihat yang sebenar adalah tanpa ubat. Kemajuan sesuatu tamadun bangsa adalah bila tiada penyakit dan orang yang sakit. Sekian, *wasallam.*

BIBLIOGRAFI

Kitab Suci Al-Quran dan Terjemahannya

Tafsir Pimpinan Al-Rahman;Darul Fikir ;Kuala Lumpur 1983; ISBN 983-042-003-5

Kitab Tib, Ilmu Perubatan Melayu, Harun Mat Piah, Perpustakaan Negara Malaysia 2006, ISBN 967-931-161-9

Kitab Tib Muzium Terengganu, Harun Mat Piah, Perpustakaan Negara Malaysia 2017, ISBN 978-967-0622-835

Risalah Ilmu Perubatan, Naseer Sobree, Baytul Hikma 2012, ISBN 978-967-13826-2-2

Kitab Perubatan Melayu Al-Rahmah fi al-tib wa al-hikmah, 'Abbas Kuta Karang, perumian oleh Mohd. Affendi Mohd Shafri, Akademi Jawi Malaysia 2017, ISBN 978-967-14748-6-0

Kitab Perubatan Melayu, Tayyib al-Ihsan fi Tibb al-Insan, Wan Ahmad ibnu Muhmmad Zayn ibnu Mustafa al- Fatani, Khazanah Fataniah dan Klasika Media 2015, ISBN 978-983-9701-93-7

Kitab Tamadun Melayu; Helmi Effendy; Cetakan ke 2 2016 ;ISBN 978-967-13495-0-2

Kitab Perubatan Melayu, Khazinat Al-Insan, Hakim Abdullah, Akademi Jawi Malaysia 2017, ISBN 978-967-14748-7-7

Malay Medical Manuscripts, Heritage The Garden of

Healing, Mohd. Affendi Mohd. Shafri & Intan Azura Shahdan, Akademi Jawi Malaysia 2017, ISBN 978-967-14748-5-3

Sulalatus Salatin, Tun Sri Lanang; Transelasi, A. Samad Ahmad; Dewan Bahasa dan Pustaka 1979

Mengenali Perubatan Ibnu Sina, Mohd. Hilmi Abdullah, Pustaka Hilmi 2016, ISBN 978-967-11520-7-2

Allah: Syariat & Hakikat II, "Memandang WajahNya", Suatu Pencerahan; Walid Al Malik, Sunan Publishing ; ISBN 978-967-11815-7-7

Ruqyah Shar'iyyah, Dari Neraca Al-Quran, Abu Humayd & Abang Sufri Mahmud Abang Usop; Perniagaan Jahabersa 2015; ISBN 978-967-308-564-4

Minhajul Abidin; Penterjemah Ir. Zakaria Adham; Victory Agencie 2002, ISBN 983-9581-23-6

MSS 2999 Kitab Tib; A Modern Medical Insight Into & Interpretation Of Malay Medical Manuscript; Abdul Ghani Hussain; Perpustakaan Negara Malaysia 2015; ISBN 978-967-0622-46-0

Aqidah Ahli Sunnah waljamaah, Haji Said Haji Ibrahim, Mantan Mufti Negeri Sabah, Darul Ma'rifah Kuala Lumpur 1996

Tibbun Nabawi, Ibnu Qayyum Al- Jauziyyah.

Kitab al-Tibb al-Rauhi as-Sufi, Kitab Ilmu Perubatan Kesufian; Sheikh Hakim Moinuddin Chisti, Terjemahan Rozali Md Isa;Thinke's Library 1996; ISBN 967-69-0135-0

Kitab Roh, Ibnu Qayyum Al-Jauziyyah; Penterjemah

Syed Ahmad Semait; Pustaka Nasional Singapura 2013; ISBN 978-9971-77-294-9

Ihya Ulumuddin, Imam Al-Ghazali

Qanun Fi Al-Tibb, Ibnu Sina

Kitab Tib MSS 2115, Perpustakaan Negara Malaysia, Kajian Teks dan Suntingan; Harun Mat Piah dan Zawiyah Baba; Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia 2014, ISBN 978-967-412-200-3

Manuskrip Kitab Bustan Al-Salatin, Sheikh Nuruddin Al-Raniri, Acheh, Darussalam. MSS 3059 PDF Perpustakaan Negara Malaysia.

Abstrak Perubatan Bustan Al-Salatin, Prof. Madya Dr. Pison Maidin UiTM Shah Alam dan Prof. Madya Dr. Mohd Nor Mamat UiTM Shah Alam 2014.

BIODATA PENULIS

NORNIZAM BIN NGADENI

Seorang Pengamal Perubatan Melayu, Pengubatan Islam dan Perubatan China (Akupuntur) hampir 21 tahun sejak tahun 1996. Seorang guru Pengajian Islam dan seorang penceramah bebas. Dilahirkan di Kg. Sungai Air Tawar, Sabak Bernam, Selangor pada tahun 1974. Pendidikan Akademik di Sekolah Menengah Teknik, Ipoh, Perak pada tahun 1991. Melanjutkan Pengajian Islam di Darul Ulum, Faisalabad, Pakistan pada tahun 1998. Berkhidmad sebagai guru agama di Ma'ahad Tahfiz Ummul Qura, Sabak Bernam, Selangor pada tahun 1999. Mengikuti kursus *Basic Medical Sciences for T&CM Practitioners* di *Cyberjaya University College of Medical Sciences* pada tahun 2012. Beliau pernah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Tetap Perubatan Tradisional dan

Komplementari Kebangsaan di Kementerian Kesihatan Malaysia cawangan Perubatan Tradisional dan Komplementari (KKM BPTK) pada tahun 2011 dan 2012. Beliau juga pernah dilantik sebagai Pembangun *National Occupational Skills Standard* (NOSS) di Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia (JPK) 2012. Menjadi Panel Pembangun kurikulum Ijazah Perubatan Melayu di *Cyberjaya University Collage of Medical Sciences* 2012. Menjadi Panel Pembangunan Kompetensi Pengamal di KKM BPTK dan Gabungan Pengamal Perubatan Tradisional Melayu Malaysia (GAPERA). Menjadi Panel Pakar Program Diploma/Ijazah Sarjana Muda Professional Perubatan Melayu di UTM Space (Kolej Space) 2017. Menjadi perawat sepenuh masa di Pusat Rawatan Perubatan Tradisional Nabawiyyah (PTN) sehingga kini.